

ABSTRAK

Kajian ini berupa kajian diakronik istilah sains, iaitu kajian tentang perubahan istilah biologi selepas tempoh 20 tahun. Perubahan yang dikaji ialah perubahan dari segi morfologi dan semantik, serta perkaitan antara kedua-dua perubahan tersebut. Penyelidikan ini juga dibuat untuk mengenal pasti sama ada terdapat pola tertentu perubahan bahasa serta adakah terdapat perbezaan kepelbagaian bentuk bahasa yang digunakan dalam dua tempoh masa yang berlainan.

Penulis menggunakan kaedah analisis teks dan membataskan kajian terhadap bahan bertulis sahaja kerana bahan ini merupakan hasil dokumentasi terancang dan mudah didapati. Data diperoleh daripada buku *Istilah Kajihayat, Perhutanan dan Pertanian* (1968) dan buku *Istilah Biologi* (1988). Sampel untuk dianalisis dipilih secara rawak daripada sekumpulan data tersebut. Analisis perubahan morfologi dibuat terhadap setiap sampel yang mengalami perubahan morfologi. Analisis komponen makna dibuat terhadap sebahagian sampel untuk menentukan sama ada berlaku perubahan makna dan perkaitan antara perubahan morfologi dan semantik.

Hasil kajian ini membuktikan bahawa lebih 80% istilah telah mengalami perubahan bentuk selepas tempoh 20 tahun. Perubahan bentuk tersebut dapat dibahagikan kepada empat kategori. Hasil kajian juga mendapati bahawa istilah tahun 60-an lebih banyak menggunakan kosa kata bahasa Melayu, manakala istilah tahun 80-an lebih banyak menggunakan kata yang berasal daripada kosa kata asing, khususnya bahasa Inggeris. Perkaitan antara perubahan bentuk dan perubahan semantik pula menunjukkan bahawa perubahan bentuk tidak semestinya menyebabkan berlakunya perubahan makna. Ia bergantung pada jenis perubahan bentuk yang berlaku. Analisis komponen makna menunjukkan berlakunya perubahan makna, sama ada peluasan atau penyempitan makna. Penulis juga memberikan aspek-aspek lain yang dapat dikaji berkaitan bidang ini oleh pengkaji akan datang.

ABSTRACT

This is a diachronic study of scientific terminology, which discusses changes in biological terminology after 20 years. Changes are viewed from the morphological and semantic aspects and the relationship between them. The research also determines the existence of specific patterns of linguistic change and whether they have differences in the variety of language form used in the two different time periods.

A text analysis approach is used and the study is limited to written material as it is well documented and easier to obtain. Data was collected from, *Istilah Kajihayat, Perhutanan dan Pertanian* (1968) and *Istilah Biologi* (1988). The samples analysed were selected at random from the above sources. An analysis of the morphological changes was carried out for each sample undergoing morphological change. Componential analysis of meaning was carried out on a selected sample to determine whether there are changes in meanings. The relationship between morphological and semantic changes were also determined.

The results show that more than 80% of the terms have changed in form after 20 years. The changes are divided into four categories. The terminology used in the 1960's are mostly formed from bahasa Melayu vocabulary. Whereas terminology of the 1980's are mostly formed from foreign vocabulary, particularly English. The relationship between morphological and semantic changes is that morphological change does not necessarily change the meaning of words. It depends on the type of morphological change that has occurred. Componential analysis of meaning shows that the change of meaning is either due to the extension or narrowing of meaning. The writer has also listed down other related aspects in the field that can be studied in the future.